

**KEUNIKAN HURAIAN TASAWUF AL-TAFTAZANI
(M. 792 H.) TERHADAP HADIS KEEMPAT
(PENCIPTAAN MANUSIA DAN AMAL AKHIRNYA)
AL-ARBA 'IN AL-NAWAWIYYAH**

Rosni binti Wazir,¹ and Ishak bin Suliaman²

¹ Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

² Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Correspondence Author: Rosni Wazir. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Tel: (60) 017-3473254. Email: rosni@kuis.edu.my

Abstrak

Al-Taftazani (m.792H) merupakan salah seorang daripada penulis yang telah menghuraikan karya agung al-Arba'in al-Nawawiyyah. al-Taftazani merupakan seorang tokoh yang mahir dalam bahasa Arab dan ilmu akidah berdasarkan karya beliau yang dihasilkan meliputi kedua-dua bidang ini. Namun begitu, beliau juga mempunyai kecenderungan tasawuf berasaskan kepada huraian yang beliau lakukan terhadap 42 buah hadis dalam al-Arba'in al-Nawawiyyah. Huraian tasawuf tokoh tersebut telah menampakkan ciri-ciri yang unik yang jarang dilakukan oleh penulis lain. Penulisan ini akan menumpukan kepada keunikan tersebut khusus terhadap hadis keempat (Penciptaan Manusia dan Amal Akhirnya) al-Arba'in al-Nawawiyyah. Kesimpulan analisis ini menampakkan keistimewaan yang ada pada al-Taftazani sekaligus menonjolkan nuansa tasawuf yang ada dalam pemikirannya yang tersirat di dalam huraian hadis tersebut.

Kata kunci: *al-Taftazani; Tasawuf; al-Arba'in al-Nawawiyyah; Keunikan; Syarh al-Hadith*

(UNIQUENESS OF TASAWUF DESCRIPTION BY AL-TAFTAZANI (D. 792 H.) ON THE FOURTH HADITH (HUMAN CREATION AND HIS LAST PRACTICE) IN AL-ARBA'IN AL-NAWAWIYYAH)

Abstract

Al-Taftazani (d.792H) is one of the writers who have described the masterpiece of al-Arba'in al-Nawawiyyah. Al-Taftazani is a skillful figure in Arabic and the creed based on his masterpiece that includes both of these fields. However, he also has a tasawuf tendency based on his description of the 42 hadiths in al-Arba'in al-Nawawiyyah. The description of the tasawuf character has revealed unique features that are rarely done by other authors. This writing will focus on the uniqueness of the Fourth Hadith (Human Creation and His last Practice) in al-Arba'in al-Nawawiyyah. The conclusion of this analysis reveals the special features of al-Taftazani as well as highlighting the nuances of tasawuf that are in his mind implied in the description of the hadith.

Keywords: *al-Taftazani; Tasawuf; al-Arba'in al-Nawawiyyah; Uniqueness; Syarh al-Hadith*

Received: June 29, 2017

Accepted: November 20, 2017 Online Published: December 30, 2017

1. Pengenalan

Islam *Al-Arba'in al-Nawawiyyah* adalah sebuah karya al-Nawawi yang sangat terkenal. Ia bukanlah satu karya yang besar dari segi fizikalnya, bahkan saiznya adalah sangat kecil berbanding karya-karya yang lain. Ironinya, ia amat kuat dan besar dari segi manfaat dan kesannya. Ia telah mendapat perhatian daripada ilmuwan di setiap pelusuk dunia. Perhatian ulama' terhadap *al-Arba'in al-Nawawiyyah* ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk seperti, syarah kepada hadis-hadisnya sama ada dalam bahasa Arab atau selainnya, terjemahan hadis ke dalam bahasa kedua semata-mata tanpa syarah, *takhrij* terhadap hadis-hadisnya, *tahqiq*, *taq'liq*, penjelasan makna pada kepada lafaz-lafaz yang *gharib*,

penumpuan kepada *rijal-rijal* hadisnya, membentuk ringkasan, penambahan kepada bilangan asal hadisnya serta mensyarahkannya serta banyak lagi.

Salah satu karya adalah huraian yang dilakukan oleh seorang penulis yang mempunyai kepakaran dalam bidang akidah dan bahasa Arab iaitu adalah Sa'ad al-Din al-Taftazani. *Syarh Al-Taftazani Ala Ahadith Al-Arba'in Al-Nawawiyyah* ini adalah satu-satunya karya yang menonjolkan sisi tasawufnya. Apa yang menarik adalah kekreatifan dan keunikan yang beliau tonjolkan dalam huraianya terhadap 42 buah hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah, terutama yang mempunyai nuansa tasawuf. Maka, amat penting untuk dianalisis dan dikenalpasti sejauhmana dalamnya nuansa tasawuf yang telah diterapkan oleh al-Taftazani di dalam huraianya dan sekaligus menampilkan keunikan dan keistimewaan yang dimilikinya.

2. Biodata Al-Taftazani

Sa'ad al-Taftazani dilahirkan pada kurun ke 7H/13M merupakan tokoh yang terkenal dalam bahasa Arab, *al-mantiq*, *usul al-fiqh*, tafsir, *al-kalam* dan lain-lain. Beliau adalah kelahiran wilayah *al-'ajamiyyah* (bukan Arab) dan tidak pernah menjejakkan kaki ke wilayah Arab. Nama beliau sebenarnya adalah Mas'ud bin Umar bin 'Abd Allah al-Taftazani al-Harawi al-Syafi'i al-Khurasani, atau lebih dikenali sebagai Sa'ad al-Din al-Taftazani (al-Shaukani 2006). Ini adalah nama yang dipersetujui oleh ramai ulama seperti al-Suyuti, Ibn 'Imad, Ahmad bin Mustafa atau dikenali sebagai Tasy Kabari Zadahdan al-Baghdadi serta ramai lagi.

Al-Taftazani dilahirkan di Taftazan pada 722H/1322M, sebuah kawasan berhampiran Nasa, sebuah bandar berhampiran Khurasan. Ia terletak berhampiran Sarkhas, Marw dan Naysabur (Muhammad Farid Wajdi t.t). Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 22 Muharram 792H/10 Januari 1390M di Samarqand. Kerandanya dipindahkan ke Sarkhas dan disemadikan di sana pada hari Rabu, 8 Jamadil Awaal tahun yang sama (al-Asbihani 1991).

Al-Taftazani mempunyai ramai teman ilmuwan yang hidup sezaman dengannya pada waktu itu seperti Imam al-Isnawi (704H/1304M - 772H/1370M), Ibn Kathir (706H/1306M - 774H/1372M), Taj Al-Din al-Subki (727H/1327M - 771H/1369M) dan ramai lagi. Menurut pandangan Dr. ‘Abd Allah ‘Ali al-Mala, Sa’ad al-Taftazani berada pada liganya yang tersendiri berbanding tokoh-tokoh lain pada waktu itu kerana mereka mengkhusus pada 4 ilmu yang utama iaitu hadis, tafsir, fiqh dan akidah, manakala al-Taftazani pula mengkhusus *ilm al-kalam, usul al-feqh, ilm al-mantiq* dan *al-balaghah* (Dr. ‘Abd Allah ‘Ali Husayn al-Mala 1996).

Kepakaran beliau yang paling menonjol adalah dalam ilmu kalam dan bahasa Arab, tetapi beliau juga mampu untuk menghasilkan dalam pelbagai bidang yang lain. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau adalah seperti *Sharh al-Tasrif al-Zanjani, Al-Irsyad al-Hadi fi al-Nah, Sharh Al-Mutawwal ‘ala Talkhis al-Miftah* dan *Sharh al-Taftazani ‘ala al-Ahadith al-Arba’in al-Nawawi*. Karya al-Taftazani yang menjadi tumpuan penulisan ini adalah *Sharh al-Taftazani ‘Ala al-Ahadith al-Arba’in al-Nawawiyyah* merupakan huraian kepada *al-Arba’in al-Nawawiyyah*. Ia telah disenaraikan oleh Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba’in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba’in al-Nawawiyyah*.

3. Karya Syarh Al-Taftazani Ala Ahadith Al-Arba'in Al-Nawawiyyah

Sharh al-Taftazani ‘Ala al-Ahadith al-Arba’in al-Nawawiyyah merupakan salah satu daripada karya al-Taftazani dan ia merupakan huraian kepada *al-Arba’in al-Nawawiyyah*. Ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang penulis sufi Nusantara yang terkenal iaitu Sheikh ‘Abd al-Rauf al-Fansuri. Terjemahan ini diberi tajuk *Sharh al-Latif* yang dihasilkan pada kurun ke 17M, dianggap sebagai karya *sharh al-hadith* yang pertama di Nusantara dan mempunyai kecenderungan tasawuf. Ini bukanlah sesuatu yang

mengejutkan kerana Sheikh ‘Abd al-Rauf al-Fansuri sendiri merupakan tokoh tasawuf yang terkenal pada waktu itu. Sheikh ‘Abd al-Rauf al-Fansuri dipetik berkata dalam karyanya:

Telah berkata fakir yang berpegang kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Syeikh Abd Rauf anak Ali. Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh hadis bagi karangan Imam Nawawi telah dikasih Allah Taala jua kiranya akan dia. Telah kupilih kebanyakannya daripada syarah Sheikh Sa`d al-Din al-Taftazani rahmatullah `alayh. Dan telah kujadikan ia dengan bahasa jawi Pasai.

Karya ini telah disenaraikan oleh Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba ‘in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah*. Terdapat beberapa keistimewaan yang boleh dilihat pada karya ini:

- a. Ia merupakan salah satu daripada karya *sharh* bagi *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah* yang banyak menumpukan kepada nilai tasawufnya. Ia memberikan dimensi yang berbeza berbanding karya-karya *sharh* yang lain.
- b. Kebanyakan tokoh yang dijadikan rujukan merupakan tokoh-tokoh yang berkaliber dalam bidang tasawuf.
- c. Pengarangnya banyak menukilkan pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh bahasa serta ulasan-ulasannya juga banyak menjurus ke arah itu.
- d. Pengarang juga banyak menyentuh tentang isu-isu akidah yang dirasakan amat penting untuk difahami.
- e. Metode *sharh* juga menarik kerana pengarang bijak menggunakan gaya dan stail yang menarik minat pembaca seperti memberi kesimpulan terhadap perbincangan yang

panjang, memberikan pengajaran terhadap perbincangan yang mendalam, membuat penjelasan tambahan kepada isu lain yang berkait dengan isu utama serta memberi penekanan terhadap isu-isu penting yang perlu difahami oleh pembaca.

- f. Berdasarkan kepada huraian pengarang, karya ini dapat digolongkan dalam karya *sharh al-Arba'in al-Nawawiyyah* yang agak besar saiznya.

Karya ini juga mempunyai tiga kelemahan iaitu:

- a. Tidak banyak memberi ulasan terhadap hukum hadis. Hal ini berkemungkinan kerana ia bukan tujuan utama pengarang ini dan sebahagian besar hadis-hadis ini adalah daripada riwayat al-Bukhari dan Muslim dan tidak banyak perdebatan yang timbul tentangnya.
- b. Pengenalan terhadap perawi-perawi juga tidak banyak ditekankan.
- c. Terdapat *al-athar* yang dinukilkan oleh penulis tidak dapat ditentukan sumbernya.

4. Huraian Tasawuf Terhadap Hadis Keempat (Penciptaan Manusia dan Amal Akhirnya)

Hadis keempat yang terdapat dalam *al-Arba'in al-Nawawiyyah* adalah sebagaimana berikut:

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه قَالَ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ - وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ -: إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: يَكْتُبُ رِزْقَهُ، وَأَجَلَهُ، وَعَمَلَهُ، وَشَقِيَّ أَمِّ سَعِيدٍ؛ فَوَاللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ

فَيَدْخُلُهَا. وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا (رواه البخاري ومسلم).

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *Bad' al-Khalq*, Bab *Dhikr al-Mala'ikah*, hadis no.3208. Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab *al-Qadr*, Bab *Kayfiah Khalq al-Adamiy*, hadis no.6723, 1138).

Maksudnya:

“Daripada Abu Abdul Rahman Abdullah ibn Mas'uud RA beliau berkata: Rasulullah SAW telah bersabda, dan Baginda adalah seorang yang benar lagi dibenarkan (iaitu dipercayai): Sesungguhnya setiap orang di kalangan kamu dihimpunkan kejadiannya dalam perut ibunya selama 40 hari berupa air mani, kemudian menjadi segumpal darah selama tempoh yang sama, kemudian menjadi seketul daging selama tempoh yang sama, kemudian dikirimkan kepadanya seorang malaikat lalu dia menghembuskan padanya ruh dan dia diperintahkan dengan 4 kalimat; iaitu supaya menulis rezekinya, ajalnya, amalannya dan adakah dia celaka atau bahagia. Demi Allah Yang tiada Tuhan melainkanNya, sesungguhnya salah seorang dari kalangan kamu akan beramal dengan amalan ahli syurga, sehingga jarak antaranya dan syurga tidak lebih dari sehasta, lalu dia didahului oleh ketentuan tulisan kitab lantas dia mengerjakan amalan ahli neraka lalu dia memasuki neraka. Dan sesungguhnya salah seorang dari kalangan kamu akan beramal dengan amalan ahli neraka, sehingga jarak antaranya dengan neraka tidak lebih dari sehasta, lalu dia didahului oleh ketentuan tulisan kitab lantas dia mengerjakan amalan ahli syurga lalu dia memasuki syurga.”

Pokok utama perbincangan hadis ini adalah tentang perkembangan janin di dalam rahim ibu, hikmah dan rahsia di sebalik penciptaannya, ilmu Allah Taala yang hebat, 4 perkara yang ditentukan oleh Allah Taala kepada janin sebelum dia dilahirkan serta kesudahan yang baik atau buruk.

Untuk melihat keunikan huraian tasawuf yang dibuat oleh al-Taftazani terhadap hadis di atas adalah dengan membandingkannya dengan huraian oleh penulis-penulis lain yang menekankan enam perkara berikut iaitu :

- a) Penjelasan tentang kejadian dan perkembangan janin selama 40 hari di dalam rahim ibu (Ibn Mulaqqin 2012, al-Tufi al-Hanbali 1998, al-Fashani t.t, al-Dimyati t.t, Ismail bin Muhammad al-Ansari t.t, Mustafa Abdul Rahman 2005, Muhammad Abdurrazak Mahili 2003).
- b) Empat perkara yang telah ditentukan oleh Allah Taala kepada janin tersebut iaitu rezeki, ajal, amalan dan pengakhiran hidupnya; syurga atau neraka (Ibn Mulaqqin 2012, al-Tufi al-Hanbali 1998, al-Fashani t.t, al-Dimyati t.t).
- c) Penciptaan manusia adalah mengikut tertib dan beransur-ansur dari satu keadaan kepada keadaan yang lain sedangkan Allah Taala mampu menjadikan manusia dengan sempurna dalam jangkamasa yang paling cepat. Namun Allah Taala menyusun kejadian manusia dan alam semesta secara beransur-ansur supaya menepati rukun sebab dan musabab serta mukadimah dan natijah. Ini memperlihatkan kekuasaan Allah Taala. Ia mengajar manusia supaya tenang dan waspada dalam melakukan urusan dan jangan tergesa-gesa (Zulkifli al-Bakri 2016).
- d) Pengajaran kepada manusia bahawa kesempurnaan maknawi hanya akan diperolehi secara beransur-ansur sebagaimana kesempurnaan zahir yang terjadi secara beransur-ansur juga (Zulkifli al-Bakri 2016).
- e) Takdir Allah Taala yang menentukan pengakhiran seseorang hamba, iaitu sesuatu yang telah ditetapkan semasa janin masih

dalam perut ibunya (Ibn Mulaqqin 2012, al-Fashani t.t, Ismail bin Muhammad al-Ansari t.t, Mustafa Abdul Rahman 2005).

- f) Bahagia atau derita sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah Taala adalah berdasarkan kepada amalan terakhir seseorang, maka berusaha menjaganya supaya tidak terpesong (Ismail bin Muhammad al-Ansari t.t., Mustafa Abdul Rahman 2005).

Huraian yang mempunyai kecenderungan tasawuf pula adalah galakan supaya berpada-pada dengan dunia kerana rezeki itu adalah sesuatu yang telah ditetapkan. Manakala galakan supaya berusaha kerana ia menjadi sebab penuh hikmah kepada apa yang ada di dunia ini (Ismail bin Muhammad al-Ansari t.t, Mustafa Abdul Rahman 2005). Setelah dianalisis, keistimewaan dan keunikan huraian tasawuf al-Taftazani ini dapat dilihat dalam empat aspek berikut:

4.1 Signikan “40 hari” bagi golongan tasawuf

Huraian yang dibuat oleh al-Taftazani memberi penekanan terhadap satu perkara yang jarang disentuh oleh penulis-penulis lain. Beliau telah menghuraikan rahsia 40 hari bagi pandangan sufi adalah bersamaan dengan tempoh diperam tanah penciptaan nabi Adam dan tempoh pertemuan Nabi Musa dan Allah Taala. Maka untuk menyempurnakan tempoh 40 hari itu, ia tersusun daripada angka sepuluh dan empat. Setiap peringkat itu ada khasiat dan rahsianya yang tertentu.

- a) Sepuluh: Ia adalah kemuncak bagi bilangan satu tanpa berulang.
- b) Empat: Untuk mengekalkan bilangan tiang bagi bangunan mestilah tiangnya empat seperti juga tabiat manusia dan musim dunia.

Al-Khattabi mengulas: *Hikmah tempoh penciptaan manusia bagi setiap peringkat itu adalah 40 hari adalah untuk menguatkan rahim ibu. Sekiranya diciptakan sekali gus dibimbangi akan membawa mudarat pada ibu. Proses dan tempoh masa yang dilalui oleh janin adalah untuk menggambarkan kehebatan kebangkitan manusia. Sesiapa sahaja yang mampu mencipta manusia dengan proses sebegini hebat maka Dia akan mampu menghidupkan kembali manusia di hari Akhirat.*

Konsep 40 hari ini mempunyai kaitan dengan ajaran dan amalan tasawuf dan ia dikatakan berasaskan hadis-hadis berikut:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَنْ صَلَّى لِلَّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا فِي جَمَاعَةٍ يُدْرِكُ التَّكْبِيرَةَ الْأُولَى كُتِبَتْ لَهُ بَرَاءَتَانِ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ النَّفَاقِ. " (رواه الترمذي)

(al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab *al-Salah*, *Sifat Salah*, Bab *ma Ja'a fi Fadl al-Takbirah al-Ihram al-Ula*, hadis no. 241).

Maksudnya:

“Barangsiapa yang salat kerana Allah selama 40 hari secara berjamaah dengan mendapatkan takbiratul pertama, maka ditulis untuknya dua kebebasan, yaitu kebebasan dari api neraka dan kebebasan dari sifat kemunafikan.”

مَنْ وَاطَبَ عَلَى الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوبَةِ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً لَا تُفَوِّتُهُ رُكْعَةً سَكَبَ اللَّهُ لَهُ بِهَا بَرَاءَتَيْنِ، بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ النَّفَاقِ

(Al-Baihaqi, *Sunan al-Baihaqi*, Bab *al-Hadiy wa al-'Isyrun min Syu'ab al-Iman*, Bab *Salawat al-Khams fi al-Jamaah*, no.2628).

Maksudnya :

“Siapa yang menekuni (menjaga dengan teratur) salat-salat wajib selama 40 malam, tidak pernah tertinggal satu rakaat pun maka Allah

akan mencatat untuknya dua kebebasan; yaitu terbebas dari neraka dan terbebas daripada kenifakan.”

Selain daripada dua hadis di atas, terdapat beberapa buah hadis lagi yang menyebut tentang angka 40 iaitu :

خَدَّتْنَا إِبْرَاهِيمُ التَّيْمِيُّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا دَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ مَسْجِدٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ أَوْلَ قَالَ الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ قَالَ قُلْتُ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ الْمَسْجِدُ الْأَقْصَى قُلْتُ كَمْ كَانَ بَيْنَهُمَا قَالَ أَرْبَعُونَ سَنَةً ثُمَّ أَيُّنَمَا أَدْرَكْتَنِكَ الصَّلَاةُ بَعْدُ فَصَلَّهُ فَإِنَّ الْفَضْلَ ۝.

(Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *Ahadith al-Anbiya'*, Bab *ma Ittakhaza Allah Ibrahim Khalila*, no.3186).

Maksudnya :

Daripada Abu Zar; Saya telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w, “Apakah masjid yang pertama dibina di atas muka bumi ini?” Rasulullah s.a.w menjawab: “Masjid al-Aqsa”. Saya bertanya lagi: “Berapakah jarak kedua diantaranya (tempoh dibina kedua duanya). Balas Rasulullah s.a.w: Empat puluh tahun, dimana sahaja kamu dapat bersolat pada kedua duanya, maka bersolatlah (di sana), di sana ada kelebihan (untuk mereka yang bersolat di kedua dua masjid tersebut.)

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ أَنْزَلَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ ابْنُ أَرْبَعِينَ عَشْرَةَ .

(al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab *al-Manaqib*, Bab *fi Mab'ath al-Nabiyy Sallaahualayhi wa Sallam wa Ibn Kam Kana hina Mab'ath*, no.3621).

Maksudnya:

Daripada Ibn Abbas Rasulullah SAW bahawa Rasulullah SAW diutuskan semasa baginda berusia 40 tahun.

Begitu juga ayat-ayat al-Quran Surah al-Baqarah (2) ayat 51:

وَإِذْ وَعَدْنَا مُوسَىٰ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٥١﴾

Maksudnya:

Dan (kenangkanlah) ketika kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah dia bersiap selama) empat puluh malam. Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu dan kamu sebenarnya orang-orang yang zalim (terhadap diri sendiri).

Begitu juga dalam surah al-Ma'idah (5) ayat 26:

قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ أَرْبَعِينَ سَنَةً يَتِيهُونَ فِي الْأَرْضِ فَلَا تَأْسَ عَلَى الْقَوْمِ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya:

Allah berfirman: Sesungguhnya negeri itu diharamkan kepada mereka memasukinya - selama empat puluh tahun, mereka akan merayau-rayau dengan bingungnya (di sepanjang masa yang tersebut) di padang pasir (Sinai); maka janganlah engkau berdukacita terhadap kaum yang fasik itu.

Namun begitu, penulis tidak menemui sebarang hubungkait dengan tasawuf secara langsung sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Taftazani di dalam huraian hadis keempat ini.

Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jailani menjelaskan secara terperinci apa yang perlu dilakukan oleh salik dalam tempoh masa khalwat dan uzlah tetapi tidak menyebut tentang tempoh 40 hari ('Abd al-Qadir al-Jilani 2002).

Begitu juga dengan Ibn 'Ata'illah di dalam karyanya yang lain, hanya menyebut uzlah atau khalwat ini tanpa menyatakan tempoh

masa yang sesuai iaitu 40 hari (Ibn 'Ata'illah 2003). Imam al-Ghazali juga tidak menyentuh perkara yang sama di dalam *Ihya'*.

Namun begitu, karya tasawuf '*Awarif al-Ma'arif*' ada menyebut tentang signifikan angka 40 ini dalam proses khalwat yang menjadi salah satu tuntutan amalan ahli sufi. Beliau dipetik berkata : "*In the choice of khilwah, the tradition is firmly held by Sufis; but the appointing of forty days is from a tradition from Muhammad and from God's word.*" (Shihab al-Din Suhrawardi 1981).

Beliau kemudiannya memetik ayat al-Quran yang menyebut tentang janji Allah Taala kepada Nabi Musa untuk diberikan baginda kitab Tauratnya. Pada waktu ini, Nabi Musa beribadat kepada Allah Taala dan tidak makan serta minum dan menyediakan dirinya untuk menerima kitab Taurat yang mulia. Allah SWT berfirman dalam Surah al-A'raf (7) ayat 142:

﴿وَوَاعَدْنَا مُوسَى ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَمْنَا بِهَا عَشْرَ فِتْنٍ مِيقَاتٍ رَبِّهِ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً وَقَالَ مُوسَى لِأَخِيهِ هَلَرُونَ أَخْلَفَنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلِحْ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ ﴿١٤٢﴾﴾

Maksudnya:

"Dan Kami telah janjikan kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi, lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh malam. Dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat): gantikanlah aku (dalam urusan memimpin) kaumku, dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah engkau menurut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan."

Melihat kepada analisa yang dibuat menggambarkan bahawa angka 40 ini mempunyai signifikan dengan amalan berkhilwat atau beruzlah atau mendidik diri di dalam tasawuf tetapi ia bukanlah sesuatu yang sangat ditekankan oleh tokoh-tokoh tasawuf ini.

Maka, dapat dilihat bahawa huraian al-Taftazani tentang angka 40 ini sebenarnya untuk menggambarkan tentang kehebatan kebangkitan manusia. Sekiranya Allah mampu mencipta janin di dalam perut dengan proses yang sebegitu kompleks dan teratur, maka amat tidak sukar sekiranya Allah SWT ingin menghidupkan kembali manusia sekelip mata.

***4.2 Pengawasan bayi di dalam kandungan oleh Malaikat sebagai lambang hubungan antara murid dan gurunya. ***

Al-Taftazani juga membandingkan makna hadis ini dengan maksud hubungan antara murid dan guru dalam tasawuf. Tersirat di dalam hadis ini adalah satu isyarat sekiranya gugurnya dari tulang sulbi seorang lelaki itu kewalian seorang lelaki yang benar, maka menyerahlah seorang murid kepada semua tindak tanduk gurunya, iaitu sebagaimana malaikat menjaga dan mengawasi rahim. Seorang murid hendaklah menyerahkan keadaan zahir dan batinnya agar selaras dengan kemahuan dan urusan gurunya. Sesungguhnya Allah memberikan pengurusan wilayah seorang guru pada muridnya dengan kebenaran selama empat puluh yang dilalui oleh murid itu, dengan berpindah dari keadaan ke keadaan yang lain, dari satu maqam ke satu maqam yang lain hasil dari perlindungan Allah Taala sehingga lahirnya murid ke “dunia”. Maka, jadilah janin itu dari “rahim” hati menjadi “kanak-kanak” khalifah Allah Taala di muka bumi ini. Sekarang, dia berhak baginya untuk mendapat kemuliaan yang dikhususnya untuk nabi-nabi dan wali-walinya. Berterbanganlah ruh itu mengikut kehendaknya sebagaimana Nabi Adam sewaktu baginda dijadikan dan bersujud padanya sekalian Malaikat.

Beliau telah menggunakan hadis keempat ini untuk menjelaskan konsep hubungan antara guru/mursyid dengan muridnya adalah mutlak. Penyerahan seorang murid kepada mursyidnya diumpamakan dengan menyerahnya janin di dalam rahim kepada penjagaan Malaikat. Penyerahan melibatkan zahir dan batin. Setelah itu, mursyid akan membantu dan membimbing murid dalam

perjalanannya, dari satu keadaan kepada satu keadaan, dan dari satu maqam kepada satu maqam yang lain. al-Taftazani memberikan tempoh selama 40 hari untuk proses tersebut. Ini adalah antara adab dan tugas yang perlu dilakukan oleh murid untuk berjaya dalam pencariannya.

Ibn 'Ataillah di dalam *Lata'if al-Minan* sewaktu menghuraikan hikmah:

فَرَمَّا عَبَّرَ عَنِ الْمَقَامِ مَنْ اسْتَشْرَفَ عَلَيْهِ وَرَمَّا عَبَّرَ عَنْهُ مَنْ وَصَلَ إِلَيْهِ وَذَلِكَ مُلْتَبِسٌ

Maksudnya:

“*Sesungguhnya mengikut pada seorang Syeikh yang menunjuki anda atas Allah SWT dengan mengeluarkan anda dari penjara hawa nafsu dan memasukkan anda kepada Tuhan anda dan menyucibersihkan mata hati anda hingga tampak nyata di dalamnya nur cahaya anda dan membawa anda sampai kepada-Nya.*”

Beliau menyatakan bahawa syeikh atau mursyid adalah mereka yang terang mata hatinya. Tiada yang tersembunyi dan terlindung dari mereka kerana mampu melihat dalam kalamnya *surah al-mutakkallimun* (gambaran yang berkata-kata), bagi mereka adalah kesempurnaan tetapi mereka tidak terlepas dari kekurangan. Begitu juga bagi *salik* (iaitu orang yang sedang berusaha bersungguh-sungguh mencapai makrifat Allah), mereka tidak mempunyai pandangan mata hati, mungkin itu adalah satu kekurangan, tetapi mereka juga mempunyai kelebihan.

Imam al-Qushayri meletakkan perbincangan tentang guru murid ini di halaman-halaman akhir bukunya, malah dibincangkan secara terperinci. Beliau juga senada dengan al-Taftazani supaya mencari kelompok yang jelas benar dari segi dasar, guru lebih mulia dan ulama yang lebih pintar, maka penyerahan murid itu wajib perkara kepada mereka. Ini kerana untuk mereka yang sedang dalam proses menuju Tuhan, maka kepercayaan itu adalah wajib. Wajib bagi seorang murid itu belajar dari gurunya kerana tanpa guru, selamanya

tidak akan berhasil. Abu Yazid al-Bustami berkata : “Barangsiapa yang tidak mempunyai guru, maka imamnya adalah syaitan.” (al-Qushayri al-Naysaburi 2013).

Imam al-Ghazali menyentuh tentang perkara ini di dalam bukunya dengan tajuk “Tugas Penunjuk Jalan Kebenaran (Mursyid)”. Beliau mengumpamakan ilmu pengetahuan ini seperti harta. Orang yang mempunyai harta kemudian mendermakan hartanya untuk dimanfaatkan oleh ramai adalah sama seperti orang yang mempunyai ilmu pengetahuan dan mendapat manfaat dengan ilmu yang dimilikinya, setelah itu ia mengajar dan memberi faedah kepada orang lain. Ini adalah keadaan yang semulia-mulianya. Beliau akan disebut sebagai “orang besar” di alam malakut, laksana kasturi yang membawa keharuman kepada dirinya dan orang lain juga. Maka, sekiranya seseorang itu memikul tugas yang sebegini besar, beliau seharusnya memelihara segala adab dan tugas-tugas dengan sebaiknya (Al-Ghazali, 2005).

Di dalam tajuk “Adab Kesopanan Pelajar dan Pengajar”, Imam al-Ghazali menyenaraikan adab-adab yang perlu ada pada seorang pelajar atau murid antaranya adalah larangan menyombong dengan ilmunya dan jangan menentang gurunya. Beliau seharusnya menyerah seluruhnya kepada guru dengan keyakinan kepada segala nasihatnya sebagaimana seorang sakit yang bodoh dan yakin kepada doktor untuk mengubatinya (Al-Ghazali, 2005).

Beliau juga amat menyarankan bagi seseorang yang ingin mengetahui serta membetulkan keburukan dirinya agar dapat berdampingan dengan seorang syeikh (guru) yang bijaksana, mempunyai keistimewaan dan kepandaian tentang penyakit jiwa, dapat meneliti noda-noda dan penyakit yang samar serta pelik. Kemudian dia mesti mengikut nasihat dan anjuran guru tersebut dan melaksanakannya dengan kesungguhan hati dan azam yang kuat. (Al-Ghazali 2005).

Syeikh ‘Abd al-Qadir Isa pula pada awal karyanya *Haqa’iq al-Tasawuf* membincangkan secara terperinci tentang faedah dan kesan *suhbah* iaitu memilih untuk berkawan dengan golongan yang beriman,

bertaqwa, istiqamah serta makrifat terhadap Allah Taala yang akan membantunya meningkat ke tahap yang tertinggi dengan cepat ('Abd al-Qadir Isa 2012). Setelah itu beliau menyenaraikan enam adab murid terhadap gurunya sebagaimana berikut:

- a) Menyerah diri kepada syeikh serta taat terhadap semua suruhan dan nasihatnya.

Perkara ini tidak termasuk dalam bab taqlid membabi-buta tanpa menggunakan akal serta menggadaikan peribadi, tetapi ia termasuk dalam bab menyerahkan diri kepada orang yang mempunyai pengkhususan serta pengalaman. Ia benar-benar sama sebagaimana seorang pesakit menyerahkan diri sepenuhnya kepada doktor terhadap rawatan dan nasihatnya. Dalam keadaan ini, pesakit bukanlah dianggap sebagai orang yang tidak menggunakan akal atau menggandaikan prinsip, bahkan beliau disifatkan sebagai seorang yang berakal kerana menyerahkan diri kepada orang yang mempunyai kepakaran dan pengkhususan.

- b) Tidak membantah guru atau syeikhnya terhadap cara atau jalan yang digunakan untuk mentarbiyyah murid-muridnya.

Ini kerana dalam bab ini, syeikh berijtihad berdasarkan ilmu, kepakaran dan juga pengalaman. Seseorang murid juga tidak layak membuka ruang kepada dirinya untuk mengkritik kelemahan syeikh kerana ia boleh mengurangkan kepercayaan murid kepada guru lalu terhalang untuk mendapat banyak kebaikan dari gurunya.

- c) Tidak beriktikad gurunya maksum.

Sekalipun seorang syeikh itu berada dalam keadaan yang paling sempurna, beliau tidak maksum kerana kadang-kadang kesilapan dan kesalahannya akan terzahir tetapi dia tidak berterusan melakukannya. Namun begitu, seorang murid tidak seharusnya menganggap yang

syekhnya sentiasa silap dalam semua tindak tanduk kerana itu akan menghalangnya memperolehi faedah.

- d) Mesti yakin bahawa gurunya kamil dan mempunyai keahlian yang sempurna dalam mentarbiah dan memberi petunjuk.
- e) Hendaklah jujur dan ikhlas dalam bersuhbah dengan guru menyebabkan dia menjadi orang yang benar-benar ikhlas dalam mencari guru, bebas dari tujuan sampingan atau kemaslahatan tertentu.
- f) Menghormati serta menjaga kehormatan syekh sama ada dengan kehadiran atau tanpa kehadirannya.

Ternyata, kepentingan *suhbah* dengan seorang guru mursyid adalah sesuatu yang amat ditekankan dalam amalan tasawuf. Kepentingan, adab, etika dan syarat yang perlu ada di antara seorang guru mursyid dan muridnya adalah sangat jelas di dalam karya-karya yang dinyatakan sebelum ini. Boleh difahami, sekiranya seseorang guru/mursyid itu sudah memenuhi semua kriteria dan ciri-ciri yang telah digariskan, maka seorang murid seharusnya menyerahkan dirinya secara total untuk dibimbing olehnya. Maka inilah situasi yang telah digambarkan oleh al-Taftazani di dalam huraianannya itu dan ia bukanlah sesuatu yang menggambarkan pemujaan atau ketaksuban yang membuta-tuli.

4.3 *Menggambarkan ujian dari Allah Taala adalah cara untuk menghargai nikmat*

Setelah itu al-Taftazani menghuraikan maksud *al-saadah* atau kegembiraan yang akan dicatat pada setiap janin semasa dalam perut ibunya iaitu bantuan-bantuan dari Allah Taala kepada manusia untuk mereka memperolehi kebaikan dan menjauhkan diri dari kejahatan. Ia sama ada secara *al-qalbiyyah* (hati) iaitu pengetahuan, kebijaksanaan

dan kesempurnaan ilmu dan amalan hati atau akhlak ; *al-badaniyyah* (jasmani) iaitu kesihatan dan kekuatan dan kelazatan jasmani; atau *ma hawl al-badn* (yang berada di sekitar badan) iaitu seperti harta dan sebab-sebabnya.

Perkara kedua yang dibincangkan oleh al-Taftazani pada poin ini adalah bagaimana ujian dan kesedihan itu menjadi alat untuk kita lebih menghargai kebahagiaan. Penderitaan datang terlebih dahulu untuk dinyatakan kepentingannya dan untuk difahami bahawa keburukan dan kebaikan itu adalah daripada Allah Taala. Ia adalah untuk menolak kefahaman penyembah berhala yang mengaitkan syirik kepada orang yang melakukan dosa kerana golongan ini menuntut hikmah bagi segala apa yang dilakukan oleh Allah Taala. Mereka berkata : Pentadbir alam ini, sekiranya dia adalah seorang, maka dia adalah tidak sesuai untuk segala jenis kebaikan, kesihatan dan kekayaan. Begitu juga dengan keburukan. Ada satu syair menyebut (al-Taftazani 2004):

Berapa ramai orang yang bijak, hatinya dapat memahami,
Sempurna akal dan sedikit duitnya,
Berapa ramai orang yang jahil, banyak hartanya,
Itulah takdir Allah yang maha Esa.

Sekiranya diperhatikan, Taftazani tidak banyak menghuraikan perkara-perkara yang ditakdirkan oleh Allah Taala kepada janin di dalam perut ibu, kecuali tentang nikmat dan ujian. Nikmat yang dicatat pada janin di alam rahim juga berbeza berbanding penulis lain kerana al-Taftazani membahagikannya kepada tiga bahagian iaitu *al-qalbiyyah*, *al-badaniyyah* dan *ma hawl al-badn* sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

Paling ditekankan oleh al-Taftazani adalah bagaimana ujian dan kesedihan yang ditimpakan oleh Allah Taala itu adalah cara untuk manusia menghargai nikmat yang Allah Taala berikan. Seseorang *salik* yang mencari makrifatullah terpaksa berdepan dengan beberapa halangan atau godaan yang disebut oleh Imam al-Ghazali di dalam

Minhaj al-'Abidin sebagai “*al-'Arid*”. Godaan dan halangan yang keempat adalah kepayahan dan musibah yang mana antara keduanya adalah sabar. Imam al-Ghazali menekankan bahawa dalam menghadapi keduanya, sabar adalah amat perlu. Sabar akan membawa ibadat itu kepada maksudnya yang sebenar dan tiada ibadat melainkan dengan kepayahan. Dunia ini adalah tempat fitnah dan percubaan, ia sama ada disebabkan oleh maksiat dan yang berkait dengannya, penyakit, perkara yang memalukan yang diumpat oleh manusia lain atau dikeji atau difitnah, hilangnya harta dan lenyap segala yang berkait dengannya. Maka itu semua memerlukan kesabaran, pada setiap peringkat ujian yang ditempuhinya (Imam al-Ghazali, 2011). Allah Taala menjanjikan kemenangan bagi orang yang bersabar dalam surah Hud (11) ayat 49:

... فَاصْبِرْ إِنَّ الْعَقِيبَةَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٤٩﴾

Maksudnya:

... bersabarlah. Sesungguhnya kesudahan yang baik (yang membawa kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat) adalah bagi orang-orang yang bertakwa.

Orang yang bersabar akan mendapat nikmat di akhir ujian, musibah dan kepayahan yang ditempuhinya:

- a) Dia akan memperolehi apa yang dicitakannya. Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raf (7) ayat 137:

... وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ الْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ بِمَا صَبَرُوا ...

Maksudnya:

... dan sempurnalah Kalimah Allah (janjiNya) yang baik kepada kaum Bani Israil kerana kesabaran mereka (semasa mereka ditindas oleh Firaun)...

- b) Dia akan memperoleh kelepaan dan kemenangan dari kebajikan dunia dan Akhirat. Allah SWT berfirman dalam surah al-Talaq (65) ayat 2-3:

... وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ... ﴿٣﴾

Maksudnya:

Sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya.

- c) Menjadi golongan yang dicintai oleh Allah Taala. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah (2) ayat 155:

... وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Maksudnya:

... Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.

- d) Mendapat darjat yang tinggi di dalam syurga. Allah SWT berfirman dalam surah Surah al-Furqan (25) ayat 75:

أُولَئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا وَيُلَقَّوْنَ فِيهَا مَنَاجِبَ وَسَالَمًا ﴿٧٥﴾

Maksudnya:

Mereka itu semuanya akan dibalas dengan mendapat tempat yang tinggi di Syurga disebabkan kesabaran mereka dan mereka pula akan menerima penghormatan dan ucapan selamat di dalamnya.

- e) Mendapat karamah yang besar. Allah SWT berfirman dalam surah Surah al-Ra'd (13) ayat 24:

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَبِعَمِّ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

Maksudnya:

Sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu.

- f) Pahala yang sangat banyak. Allah SWT berfirman dalam surah Surah al-Zumar (39) ayat 10:

... إِنَّمَا يُوفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

... Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.

Keunikan al-Taftazani dalam hal ini adalah mengetengahkan erti ujian sebagai cara untuk manusia merasai nikmat yang datang selepas itu. Ini adalah pandang sisi ujian yang jarang dilihat oleh kebanyakan manusia lain. Sekiranya mereka melihat ujian itu dari sisi ini, maka mereka akan sentiasa berbaik-sangka dengan Allah Taala dan menerima ujian itu dengan reda.

4.4 Al-Qadr itu adalah rahsia Allah Taala dan ia perlu ditangani dan difahami secara hikmah dan bijaksana

Al-Taftazani memulakan huraianya dengan menekankan bahawa Allah SWT membangkitkan para Nabi dan membawa amanah-Nya kerana Dia sendiri wajib bersifat dengan suruh, larang, janji baik dan janji buruk. Wajib bagi-Nya melahirkan sifat-sifat itu sebagaimana sifat-sifat Allah Taala yang lain. Hamba ini ditaklifkan dengan sifat

suruh dan larang serta mereka akan menerima janji baik atau janji buruk itu demi untuk menzhahirkan kekuasaan Allah Taala sebagai athar ada menyebut : Aku adalah simpanan yang tersembunyi. Aku ingin dikenali, lalu aku ciptakan manusia untuk mengenali-Ku.”

Setelah itu beliau menyentuh tentang *al-qadr* yang menjadi rahsia. Tidak mampu diselami sama ada malaikat mahupun nabi dan tidak diharuskan untuk mengkaji tentangnya. Oleh kerana itu apabila Saidina Ali ditanya tentang *al-qadr*, beliau menjawab : “Jalan yang sangat gelap, jangan kamu melaluinya”. Apabila ditanya lagi, beliau menjawab : “Laut yang dalam, jangan kamu selami.” Apabila ditanya lagi, beliau menjawab : “Rahsia Allah, jangan kamu mengintainya.” Sesungguhnya Allah memberkati sesiapa yang berkata (al-Taftazani 2004):

Berkatilah seseorang yang menguruskan sesuatu dengan hikmah
Sebagaimana yang Dia kehendaki, tidak melampau dan tidak kurang
Sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah Taala,
Sekiranya kamu mampu, jadikanlah diri kamu yang baik,
Matilah dalam keadaan menahan kesedihan.

Pendekatan al-Taftazani pada hadis ini adalah dengan penekanan bahawa qadak dan qadar ini adalah rahsia Allah Taala dan manusia sebaiknya tidak perlu terlalu mencuba untuk menyelaminya. Ia tidak dapat difahami oleh Malaikat dan para Nabi, apatahlagi manusia. al-Taftazani menutup huraianannya dengan membawa satu syair yang menasihati manusia supaya menangani isu qadak dan qadar ini dengan penuh hikmah dan bijaksana, jangan langsung tidak mengendahkannya dan jangan pula melampaui batas. Apa yang paling penting adalah sentiasa memperbaiki diri dan menjadi orang yang lebih baik. Ini adalah kerana ia adalah rahsia Allah Taala.

Pendekatan al-Taftazani ini sebenarnya membawa kepada empat lagi maqam yang penting dalam tasawuf iaitu sabar, reda, tawakal dan syukur. Malah ia merupakan empat bentuk hikmah dan bijaksana yang dimaksudkan oleh al-Taftazani di dalam huraianannya

itu. Bagaimana mungkin keempat-empat maqam ini menyediakan satu bentuk hikmah dan bijaksana sebagaimana yang dicadangkan oleh al-Taftazani?

Sabar menjadikan seseorang hamba itu tenang dalam menghadapi ujian atau bala atau musibah daripada Allah Taala. Apa sahaja ketentuan yang datang, beliau menyerahkan segala-galanya kepada-Nya, malah ini adalah rahsia kebahagiaan dan persediaannya menghadapi segala kemungkinan. Reda adalah maqam yang datang selepas sabar, malah ia lebih tinggi martabatnya dari sabar. Apabila seseorang hamba itu sampai kepada maqam reda, beliau akan senang hati untuk menerima apa sahaja qadak dan qadar dari Allah Taala dan menyerahkan segala-galanya kepada-Nya. Setelah lahirnya reda, hamba itu akan tiba ke maqam tawakal. Pada saat ini, kepercayaan yang mutlak hanyalah kepada Dia dan ia datang dari hati yang suci dan ikhlas, tiada lagi ruang pengharapan kepada manusia pada saat itu. Setelah itu syukur datang menjelma. Sekiranya menerima nikmat, dia akan mensyukurinya dan menatanginya dengan berhati-hati kerana nikmat itu mungkin sahaja menjadi *istidraj* sekiranya tidak ditangani dengan berhati-hati. Sekiranya mendapat ujian, maka dia memahami bahawa ia juga datang daripada Allah Taala sebagaimana nikmat itu. Maka dia akan menerima ujian itu dengan rasa syukur kerana ia juga mungkin memberinya peluang untuk mengaut pahala dan menjadikannya hamba yang lebih baik.

Pendekatan al-Taftazani dalam huraianya terhadap qadak dan qadar kali ini adalah menarik dan tepat. Beliau telah menghuraikan konsep ini dari satu sudut pada hadis sebelum ini dan kali ini ia dilihat dari sudut yang lain pula. Cadangan beliau agar isu qadak dan qadar ini ditangani dengan cara yang hikmah dan bijaksana sebenarnya mempunyai kaitan yang rapat dengan 4 maqam yang ada dalam amalan tasawuf itu sendiri. Sekiranya manusia benar-benar melalui 4 maqam ini di dalam perjalanannya berdepan dengan qadak dan qadar maka itu adalah cara yang paling baik yang mampu dilakukan olehnya; tidak terlalu beria-ia mencari apa rahsia di sebalik ketentuan-Nya atau terlalu mencuba untuk memahaminya. Keunikan al-Taftazani ternyata

terserlah dalam pendekatannya kali ini. Sekiranya manusia dapat menguasai keempat-empat sifat ini, maka beliau dengan sendirinya telah berjaya menghadapi qadak dan qadar ini dengan hikmah dan bijaksana.

5. Kesimpulan

Al-Taftazani telah membuktikan bahawa, walaupun beliau tidak mempunyai karya yang menonjol dalam ilmu tasawuf tetapi masih mampu menghasilkan satu huraian yang mendalam nuansa tasawufnya. Beliau bahkan telah menunjukkan satu keunikan apabila menyentuh sesuatu yang jarang dilakukan oleh penulis-penulis lain, terutama terhadap hadis keempat ini. Adalah menarik sekiranya dikaji baki 41 buah lagi hadis di dalam *al-Arba'in al-Nawawiyyah* yang akan menghasilkan satu metodologi huraian sufistik yang tersendiri.

RUJUKAN

- ‘Abd Allah ‘Ali Husyan al-Mala. (1996). *al-Taftazani wa Mawqifih min al-Uluhiyyat*, (Tesis Kedoktoran, Jabatan ‘Aqidah, Kuliyyah al-Da‘wah wa Usul al-Din, Universiti Ummul Qura.
- ‘Abd al-Qadir al-Jailani. (2012). *Menjadi Kekasih Allah: Wasiat dan Nasihat Kerohanian*, ter. Akmal Haji Mhd Zain. Selangor : al-Hidayah Publication.
- ‘Abd al-Qadir al-Jilani. (2002). *Rahasia Sufi*, terj. Abdul Majid Haji Khatib, Yogyakarta: Penerbit Pustaka Sufi.
- Abu al-Qasim Karim Hawazin al-Qushayri al-Naysaburi. (2013). *Al-Risalah al-Qushairiyah*, terj. Umar Faruq. Jakarta: Pustaka Amani.
- Ahmad Hijazi al-Fashani. (t.t). *al-Majalis al-Sanniyyah*. Beyrut : Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Bayhaqi. (2000). *Sunan al-Bayhaqi*. Saudi Arabia: Dar al-Salam,
- al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.

- al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Al-Mirza Muhammad Baqir al-Mawsa al-Khawansariy al-Asbihani. (1991). *Rawdat al-Jannat fi Ahwal al-'Ulama wa al-Sadat*. Beyrut: al-Dar al-Islamiyah.
- al-Shaukani. (2006). *al-Badr al-Toli' bi Mahasin man Ba'd al-Qarn al-Sabi'*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Ibn 'Ata'illah al-Sakandari. (2003). *Kaifiyat Mempertajamkan Mata Hati Dalam Mengenal Allah*, terj. Akmal al-Fandhani ibn Syaikh Mohd Zain al-Khalidi. Selangor: Thinker's Library
- Ibn Mulaqqin. (2012). *al-Mu'in ala Tafahhum al-Arba'in*, ed. Dagash bin Shabib al-'Ajami. Kuwait: Maktabah Ahl al-Athar.
- Imam al-Ghazali. (2001). *Minhaj al-'Abidin*, terj. Syeikh Daud al-Fatani, Selangor, al-Hidayah House Publisher.
- Ismail bin Muhammad al-Ansari. (t.t). *al-Tuhfah al-Rabbaniyyah fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Beyrut: Matba'h Dar al-Nasyr al-Thaqafah.
- Muhammad Abdurrazak Mahili. (2003). *Cahaya Nabawi: Syarah Sufistik 40 Hadis Imam Nawawi*. Jakarta: Penerbitan IIMAN.
- Muhammad bin Abdullah al-Jurdani al-Dimyati. (t.t). *al-Jawahir al-Lu'lu'iyah fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*. al-Azhar: Maktabah al-Iman bi al-Mansurah.
- Muhammad Farid Wajdi. (t.t). *Da'irah al-Ma'arif al-Qarn al-'Isyrun al-Rabi' 'Ashar al-'Ishrin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muslim. (2000). *Sahih Muslim*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- Mustafa Abdul Rahman. (2005). *Hadith 40: Terjemahan dan Syarahnya*. Shah Alam : Dewan Pustakan Fajar.
- Najm al-Din bin Sulaiman bin 'Abd al-Qawiy bin 'Abd al-Hakim al-Tufi al-Hanbali. (1998). *al-Ta'yin fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Beyrut: Muassasah al-Rayyan,
- Sa'ad al-Din al-Taftazani. (2004). *Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyyah*, ed. Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Shihab al-Din Suhrawardi. (1981). *The 'Awarif al-Maarif*, terj. Lieut. Col.H.Wilberforce Clarke. Asiatic Society of Bengal.
- Yusuf bin Taghr Barda al-Atabaki. (1988). *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*. t.tp.: Markaz Tahqiq al-Turath.

Zulkifli al-Bakri. (2016). *al-Kafi Syarah Hadis 40*. Nilai, Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi.

